

21 MAY 2001

Sukan-SEA (Larian Obor)

LARIAN OBOR PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN PERLUKAN SOKONGAN

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Sokongan dan tajaan pihak swasta khususnya sektor korporat dan gedung perniagaan di ibu negara amat diperlukan bagi menjayakan Larian Obor Sukan SEA ke-21 peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pengerusi Jawatankuasa Larian Obor Sukan SEA Kawasan Bukit Bintang, Dr Lee Chong Meng berkata promosi kerajaan terhadap temasya sukan gilang-gemilang di rantau ini perlu mendapat sokongan rakyat.

"Rakyat perlu disedarkan tentang kehadiran sukan berprestij ini di negara kita...sokongan mereka amat penting kerana Malaysia mungkin menjadi tuan rumah sekali lagi dalam tempoh 15 atau 20 tahun lagi," katanya pada persidangan media promosi Larian Obor Sukan SEA kawasan Bukit Bintang di sini hari ini.

Pada majlis itu, beliau menerima cek RM10,000 daripada Pengurus Besar Sungei Wang Plaza Sdn Bhd, Sabri John Arshad sebagai sumbangan kompleks membeli-belah itu yang menjadi venue untuk mempamerkan obor Sukan SEA kepada orang ramai.

Larian Obor Sukan SEA peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diadakan dari 27 Ogos hingga 6 Sept.

Kawasan Bukit Bintang merupakan sektor terakhir larian itu sebelum obor Sukan SEA diserahkan secara rasmi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada petang 7 Sept di Dataran Merdeka.

Larian obor Sukan SEA kini sudah memasuki hari ke-73 sejak dimulakan pada 10 Mac lalu dan dijangka melalui Kampar, Perak hari ini.

Temasya sukan itu akan berlangsung pada 8 hingga 17 Sept.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Ong Ang Ieam berkata promosi awal yang dibuat oleh kawasan Bukit Bintang itu turut membantu publisiti terhadap sukan itu yang giat dilaksanakan kerajaan.

"Secara tidak langsung promosi awal ini akan mewujudkan suasana kemeriahan Sukan SEA di kalangan warga kota," katanya.

-- BERNAMA

FA AZZ ZB